

18/04/2000

Mahathir bidas pengurus dana asing

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas pengurus dana asing kerana memberi pelbagai tafsiran berbeza, termasuk mendesak Malaysia mengkaji semula kadar penetapan nilai ringgit pada dolar Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata, dana-dana asing yang sama sebelum ini berkata bahawa negara ini membuat pilihan betul apabila menetapkan kadar ringgit RM3.80 bagi setiap dolar AS, yang meningkatkan rizab luar Malaysia.

"Sekarang, mereka menyatakan kita mempunyai rizab yang besar kerana mata wang kita lemah, tetapi pada waktu yang sama, orang asing yang sama menggesa ringgit yang lebih kukuh sedikit.

"Saya tidak fikir mereka tahu apa yang mereka cakapkan," katanya ketika mengulas saranan pengurus dana asing supaya kadar penetapan ringgit dikaji semula.

Pengurus dana itu mendakwa jika kadar penetapan itu dan dasar kewangan terbuka tidak dikaji semula, Malaysia akan menghadapi risiko ekonomi terlampau cergas dan inflasi berlebihan tahun depan.

Pada September 1998, Malaysia memperkenalkan dasar tukaran asing secara berpilih dengan menetapkan kadar ringgit berbanding dolar AS dalam usaha mengekang penyangak mata wang yang tidak bertanggungjawab.

Bagaimanapun, dasar itu terbukti berjaya membebaskan Malaysia daripada belunggu kegawatan yang melanda rantau ini sejak Julai 1997. Malah, pelbagai pihak memuji tindakan itu bagi merangsang ekonomi Malaysia tanpa perlu mendapat bantuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Pemulihan ekonomi negara bagaimanapun mendorong banyak pihak menggesa dasar itu dan penetapan kadar ringgit dikaji semula. Bagaimanapun, Malaysia menegaskan tidak akan ada perubahan kepada dasarnya kecuali ada langkah konkrit untuk mengawal spekulator mata wang global dan dana-dana lindung nilai.

Mengenai penjualan panik di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini dengan Indeks Komposit jatuh 56.24 mata atau enam peratus kepada 874.97, Dr Mahathir berkata, penjualan panik seumpama itu berlaku di mana-mana termasuk di Dow Jones Industrial Average di New York dan Nasdaq.

Bagaimanapun, penganalisis yakin BSKL yang terjejas teruk hari ini sealiran dengan kejatuhan ketara di Wall Street dan bursa-bursa Asia lain, mungkin menyaksikan satu lantunan dalam jangka terdekat.

Terdahulu BSKL jatuh ke tahap terendah untuk hari ini pada jam 3.18 petang kepada 867.24 mata, jatuh 63.97 mata.

Pada jam 5 petang ini, Indeks Komposit yang mengekori 100 saham mewah, merosot 56.24 mata atau enam peratus kepada 874.97. Indeks Emas yang mengesan keseluruhan saham di Papan Utama jatuh 16.67 mata kepada 226.77 dan Indeks Papan Kedua susut 26.83 mata kepada 249.95.

Indeks Perusahaan menjunam 108.65 mata kepada 1487.47 manakala Indeks Kewangan merosot 486.08 mata kepada 7433.82.

Di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq jatuh 0.62 mata kepada 108.13.

Saham komponen tunggalnya, Supercomal Technologies, jatuh dua sen kepada RM3.46 dengan sejumlah 2,000 saham bernilai RM6,940 diniagakan.

Pelabur-pelabur berkata pasaran mengambil isyarat daripada kejatuhan hari Jumaat di Wall Street, yang menyaksikan Indeks Perusahaan Dow Jones menjunam 616.2 mata dan Nasdaq turun 286.2 mata.

(END)

